KELAB RAKAN KEBIJAKSANAAN

Suara KEBIJAKSANAAN
(THE VOICE OF WISDOM)

Bilangan 3 • Julai 2026



Perutusan PENGERUSI

"RAKAN KEBIJAKSANAAN" adalah merupakan satu 'foundation' yang dibentuk untuk mengukuhkan satu WARISAN KEKAYAAN MINDA SEJATI yang tersembunyi dan perlu digilapkan.

Ketandusan KEBIJAKSANAAN dalam kehidupan yang semakin canggih kini telah mencetuskan pelbagai bentuk ketegangan dan krisis yang membimbangkan. Walaupun kemajuan demi kemajuan terus menerus dicapai dalam penyelidikan sains dan teknologi tetapi terdapat banyak peristiwa-peristiwa kemalangan yang melibatkan nyawa seperti peperangan dan sebagainya dapat dielakkan sekiranya "WISDOM" diberi ruang untuk berperanan sebelum terjadi sebarang kejadian.

Sebagai satu langkah menyedarkan masyarakat tentang perlunya WISDOM dalam kehidupan, "RAKAN KEBIJAKSANAAN" memperkenalkan program "DIALOG CINTA WISDOM". Serentak dengan itu juga, ia mengeluarkan anugerah khas bernama : ANUGERAH SARJANA WISDOM kepada tokoh-tokoh pilihan yang telah melakar kejayaan cemerlang dalam 'career' mereka.

Usaha-usaha penyerlahan peranan WISDOM adalah menjadi keutamaan kegiatan 'RAKAN KEBIJAKSANAAN' sebagai satu sumbangan kepada masyarakat Malaysia tercinta.

TAN SRI DR. MOHD YUSOF NOOR

SARJANA WISDOM
PILIHAN KRK 2026





DATUK PROFESOR MOHD YUSOF KASIM



PROFESOR EMERITUS TAN SRI DATUK DR. ANUWAR ALI



PROFESOR EMERITUS DATUK DR. TEO KOK SEONG



SIDANG PENGARANG

Penaung/Penasihat
Tan Sri Dr. Mohd Yusof Noor

Sidang Editor
Dr. Khalid M Nor
Prof. Emeritus Dr. Bukhari Lubis
Dr. Abd Hamid Abd Murad

Penyelaras Penerbitan
Dr. Che Pee Saad

Pengurus Penerbitan
Johari Ai

AKTIVITI KRK SEMASA

DIALOG WISDOM MENJELANG 2030 - 11 FEBRUARI 2026













Selamat Datang



TUAN HAJI MAMAT BIN CHE CHIK ke KRK

Kelab Rakan Kebijaksanaan (KRK) dengan sukacitanya mengalu-alukan pelantikan Tuan Haji Mamat bin Che Chik sebagai Pegawai Khas KRK bagi membantu melancarkan pelaksanaan aktiviti dan program kelab.

Dengan pengalaman luas dalam bidang pentadbiran, pengurusan organisasi dan khidmat masyarakat, kehadiran Tuan Haji Mamat diyakini mampu memberi nilai tambah serta memperkukuhkan lagi gerak kerja KRK.

Sepanjang kerjaya beliau dalam perkhidmatan awam, Tuan Haji Mamat telah memegang pelbagai jawatan penting dalam agensi kerajaan serta terlibat dalam urusan perancangan, pembangunan dan pengurusan strategik.

Pihak KRK mengalu-alukan kehadiran beliau dan berharap kepakaran serta pengalaman yang dimiliki dapat membantu membawa KRK ke tahap yang lebih cemerlang.

MAJLIS TAHLIL DAN DOA SELAMAT

Diadakan di pejabat KRK Bangi pada 13 Februari 2026.









ZIARAH KELUARGA ALLAHYARHAM PROF. DR. HAMID ABDULLAH

Ziarah keluarga Allahyarham Prof. Dr. Hamid Abdullah serta menyampaikan sumbangan pada 16 Febaruari 2026





MESYUARAT DENGAN INSPIRE UNISZA

Mesyuarat dengan Inspire Unisza di Kuala Trengganu pada 7 Mei 2026 dimana unisza dan KRK bersetuju untuk menandatangani MOU bersama dalam masa terdekat





ZIARAH MADRASAH TAHFIZ NURUL MUKHTAR

Ziarah Madrasah Tahfiz Nurul Mukhtar di Besut Trengganu pada 8 Mei 2026 yang mengalami kecelakaan kebakaran.





LAWATAN KE PERPUSTAKAAN UNISZA









إِنَّا لِلّٰهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ

Salam Takziah

Dengan penuh rasa dukacita, warga Kelab Rakan Kebijaksanaan (KRK) merakamkan ucapan takziah atas pemergian dua orang pengasas kelab yang amat kami hormati:



ALLAHYARHAM PROF. DR. HAMID BIN ABDULLAH
Meninggal dunia pada 10 Februari 2026



ALLAHYARHAM DATO' AHMAD BIN MUSTAFA
Meninggal dunia pada 28 April 2026

Pemergian kedua-dua Allahyarham merupakan satu kehilangan yang amat besar bukan sahaja kepada keluarga dan sahabat handai, malah kepada seluruh warga Kelab Rakan Kebijaksanaan serta semua yang pernah mengenali dan bekerjasama dengan mereka.

Sepanjang hayat mereka, kedua-dua Allahyarham telah banyak menabur bakti, menyumbang tenaga, buah fikiran dan sokongan yang tidak ternilai dalam penubuhan serta perkembangan Kelab Rakan Kebijaksanaan. Jasa, budi dan komitmen mereka telah meninggalkan kesan yang mendalam serta menjadi inspirasi kepada generasi yang meneruskan perjuangan kelab.

Segala jasa, budi dan kenangan bersama mereka akan terus terpahat dalam ingatan dan dikenang sepanjang zaman.

Semoga Allah SWT mengampunkan segala dosa kedua-dua Allahyarham, melimpahkan rahmat dan kasih sayang-Nya, mengurniakan keampunan serta menempatkan mereka dalam kalangan hamba-hamba-Nya yang beriman dan beramal soleh. Semoga seluruh ahli keluarga dikurniakan kekuatan, ketabahan dan kesabaran dalam menghadapi kehilangan ini.

Al-Fatihah.

MESYUARAT AJK KRK



Mesyuarat AJK KRK di Pejabat di Kompleks Jabal Nur pada 31 Mac 2026



Mesyuarat AJK KRK di Pejabat di Kompleks Jabal Nur pada 7 April 2026



Mesyuarat AJK KRK pada 30 April 2026 di pejabat Bangi





Mesyuarat AJK KRK pada 15 Jun 2026 di mana Tuan Haji Mamat telah membentangkan satu kertas cadangan yang amat bernas dalam memperkasakan WISDOM dari bawah hingga ke peringkat global untuk kebaikan sejagat.

WISDOM Corner

Wisdom QUOTES

"Life is like riding a bicycle. To keep you balance,you must keep moving."

"What is right is not always popular and what is popular is not always right."

"If you want to live a happy life, tie it to a goal, not to people or things."

- ALBERT EINSTEIN -

TIME



Time feels slow when you wait
Time feels fast when you are late
Time feels deadly when you are sad
Time feels endless when you are in pain
Time feels long when you are bored

The truth is :

Time is not determined by the clock, but by your feelings and your state of mind, so make the most of every moment and always have a good time.

"Just A Gentle Reminder"

A city clock-tower informs people of the correct time. People set their watches according to it. Nobody bothers about who the engineers and mechanics who constructed the clock-tower were, or where the parts that they used were produced. The fact that it keeps good time is enough to attract everybody. God's religion is much the same sort of clock-tower constructed for man's guidance, yet people fail to look at it and find their way by it.

There can only be one reason for this, people are serious in wanting to know the time, but not the word of God. God's religion is connected with the next life, while a clock-tower is a thing of this world. The clock has an important part to play in the realization of their worldly ambitions. They recognize it's importance. But they have no ambition for the future life, that he has answered the call of God, set aside the idols of worldly gain and expendiency, and devoted himself entirely to God.

The one claims inner faith, but does not express it, one can only be looking at faith as a convenience. Anyone who puts worldly interest before God cannot ever discover Him. Preoccupation with worldly priorities and prejudices are the veny opposite of true submission to God, and two such conflicting states can never in one soul.